

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1992/93

April 1993

RPG 537 - Penggunaan Komputer Untuk Perancangan

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan sahaja.

1. (a) Sistem maklumat geografi merupakan sistem yang dapat menyumbang ke arah perancangan yang lebih lengkap. Apakah yang dimaksudkan sebagai sistem maklumat geografi?
(5 markah)
- (b) Bagaimanakah sistem ini dapat membantu perancangan, khususnya perancangan wilayah?
(10 markah)
- (c) Jelaskan kebaikan dan kelemahan sistem ini sebagai alat yang membantu perancangan.
(10 markah)
2. (a) Sediakan pangkalan data untuk menjalankan kaji selidik sosio ekonomi dengan menggunakan 10 medan yang anda pilih. (Jenis dan lebar medan perlu ditunjukkan).
(10 markah)
- (b) Berdasarkan struktur yang anda sediakan di 2 (b), sediakan program untuk menjalankan perkara-perkara berikut:
 - (i) Mengisihkan 3 medan terakhir daripada struktur anda.
 - (ii) Menyenggara rekod-rekod dalam 3 medan pertama.
 - (iii) Mengindeks 3 medan pertama.(15 markah)

....2/-

5. (a) Jelaskan penggunaan fungsi-fungsi pangkalan data (dBase III plus) berikut:
- i) medan logik
 - ii) medan memo
 - iii) CTOD (Character to Date)
 - iv) @ SAY
 - v) SUM
- (10 markah)
- (b) Jelaskan penggunaan arahan-arahan sistem maklumat geografi (perisian MAPINFO) berikut:
- i) MAPFILES
 - ii) IMAGE FILES
 - iii) GEOCODE
 - iv) THEMATIC MAP
 - v) BOUNDARY
- (10 markah)
- (c) Jelaskan pertalian di antara pangkalan data dan pakej-pakej sistem maklumat geografi.
- (5 markah)
6. (a) Beberapa isu dan masalah yang berkaitan dengan penggunaan komputer telah dikenalpasti sebagai penghalang kepada penyediaan pelan struktur. Huraikan isu-isu dan masalah-masalah tersebut.
- (10 markah)
- (b) Berikan cadangan ANDA dalam menangani isu dan masalah tersebut.
- (15 markah)

-ooo00ooo-